

# Masuk 'perpustakaan' setiap hari

Ibu dan bapa pastikan kami adik beradik menelaah sekurang-kurangnya satu jam dalam bilik bacaan

**Coretan Angkasawan**  
Dr Sheikh Muszaphar Shukor



**K**ALI ini saya ingin membicarakan suatu topik yang mungkin biasa dan selalu diperkatakan ramai orang, tetapi sebenarnya amat penting. Topiknya ialah 'Membaca'.

Kami lima beradik dibesarkan dalam suasana suka membaca sejak kecil. Rumah kami mempunyai sebuah bilik khas atau perpustakaan yang dipenuhi dengan pelbagai bahan bacaan, terutama sains, novel dan astronomi.

Abah dan Umi pula akan memastikan kami memasuki perpustakaan itu setiap hari, sekurang-kurangnya sejam untuk menimba ilmu. Ini diikuti perbincangan mengenai apa yang kami baca di meja makan.

Ketika kecil, saya begitu meminati buku berunsurkan sains dan astronomi. Saya gemar menonton filem *Star Trek* dan *Star Wars* serta berangan-angan terbang di angkasa lepas. Bilik saya pula dipenuhi



DR Sheikh Muszaphar Shukor melayan kanak-kanak yang menyertai pertandingan melukis.

“**Saya memastikan membaca sekurang-kurangnya sebuah buku setiap minggu sama ada novel, politik atau topik lain. Ini saya lakukan walaupun amat sibuk dengan pelbagai aktiviti harian**”

**Dr Sheikh Muszaphar**  
Angkasawan Negara

gambar planet dan bintang. Saya sering mendongak ke langit dan bintang, mengalamun seorang diri ingin mengetahui kehidupan di angkasa lepas.

Minat yang begitu mendalam terhadap bidang sains dan astronomi bermula ketika saya berumur 10 tahun. Ketika itu, saya sudah mengetahui nama planet, gugusan bintang dan galaksi. Itulah titik permulaan minat saya untuk menjelajah angkasa lepas.

Abah dan umi sering menghadiahkan buku setiap kali saya berjaya dalam peperiksaan. Saya tidak begitu ingat buku pertama yang paling suka dibaca, tetapi ketika berumur 18 tahun dan bersiap sedia untuk meneruskan pelajaran di Manipal, India, ayah menghadiahkan saya sebuah buku bertajuk *Think and Grow Rich - Napoleon Hill* yang kini masih dalam genggaman saya.

Buku ini memang mengubah minda saya ketika itu untuk

bersikap lebih positif dan yakin untuk mengharungi cabaran hidup. Hingga kini, saya masih berulang kali membacanya sebagai pedoman. Saya masih menyimpan buku itu di bilik.

Bagi saya, buku itu adalah khazanah yang tidak ternilai harganya. Walaupun kini saya mampu membeli pelbagai jenis buku berharga ratusan ringgit, tetapi buku ini tetap menjadi nombor satu dalam hidup saya kerana ia adalah pemberian abah. Buku ini juga menjadi titik permulaan buat diri saya.

Ibu bapa saya memang gemar membaca dan tidak dinafikan ini mempengaruhi diri saya. Abah lebih cenderung kepada buku berkonsepkan motivasi, minda positif. Umi pula lebih suka novel dan biografi.

Tabiat suka membaca ketika kecil sudah pasti membawa kebaikan dan ini berterusan hingga dewasa, terutama apabila memasuki zaman peruba-

tan di Kolej Perubatan Kasturba (KMC), Manipal, India.

Hingga kini, saya memastikankan membaca sekurang-kurangnya sebuah buku setiap minggu sama ada novel, politik atau topik lain. Ini saya lakukan walaupun amat sibuk dengan pelbagai aktiviti harian. Ketika menjalani latihan selama setahun di Russia, saya sering membaca buku berkaitan angkasa lepas untuk mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang ini.

Saya percaya ramai pembaca kolum ini suka membaca buku dan saya menggalakkan ibu bapa mendidik anak membaca buku supaya tabiat yang amat baik ini dapat dipupuk sejak peringkat awal.

Apa yang ibu bapa boleh lakukan ialah seminggu sekali, bawa mereka ke perpustakaan untuk menimba ilmu sebanyak mungkin.

Selalu ingat bahawa *'knowledge is power'* atau pengetahuan adalah kuasa. Ini sejajar

dengan harapan kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan berilmu serta menjadikan rakyat berpengetahuan setanding negara maju.

Insya-Allah berbekalkan ilmu, mereka akan berjaya mencapai impian. Saya juga percaya guru harus memainkan peranan penting untuk menggalakkan pelajar membaca. Pada zaman sains dan teknologi maklumat, kanak-kanak boleh memperoleh maklumat bukan saja di perpustakaan, tetapi melalui internet dengan syarat ibu bapa dan guru bijak membimbing mereka.

Mereka yang kurang berilmu sudah pasti akan ketinggalan dalam zaman persaingan sekarang. Kepada adik-adik semua, pupuk tabiat membaca mulai sekarang. Tumpukan kepada sains dan angkasa lepas. Semoga anda juga dapat menjelajahi angkasa lepas pada masa akan datang.

info

PEMBACA yang mempunyai sebarang pertanyaan mengenai program angkasa lepas dan penghantaran angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha, boleh berbuat demikian dengan menghantar soal ke alamat e-mail Berita Minggu, iaitu bminggu@bharian.com.my atau melalui surat, iaitu Soalan Kolum Coretan Angkasawan - Berita Minggu, Berita Harian Sdn Bhd, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

## Kagum lihat saiz bumi dari ISS

### Soalan

**Apa khabar? Saya ingin tahu apakah perkara pertama dan terakhir yang Dr lakukan di Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS). Sesetengah rakan saya memberitahu bahawa angkasawan Amerika Syarikat, Neil Amstrong, tidak pernah menjejakkan kaki di bulan. Apa pula pandangan Dr?**

**Syamil Musthaffa Kamal, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang.**

### Jawapan

KHABAR baik Syamil. Perkara pertama saya lakukan apabila sampai di ISS adalah mengamal masa beberapa minit untuk melihat bumi dari jendela ISS. Begitu menakjubkan apabila dapat melihat saiz bumi yang kecil dari mata sendiri. Diri ini

berasa sungguh rapat dengan Allah.

Jantung langsung tidak berdegup selama beberapa minit. Mata langsung tidak berkelip. Itulah kehebatan melihat bumi dari ISS. Perkara terakhir sebelum kembali ke bumi adalah membaca al-Quran kerana berasa begitu sedih untuk kembali ke bumi.

Setelah berada selama 12 hari di ISS, harapan saya untuk tinggal lebih lama di ISS bagi

meneruskan eksperimen saintifik di ISS.

Mengenai sama ada Neil Amstrong benar-benar menjejakkan kaki ke bulan, setelah berada di NASA (Pihak Berkuasa Angkasa Lepas dan Aeronatik) Houston, selama dua minggu dan melihat sendiri teknologi mereka, saya yakin bahawa Amstrong dan 11 lagi rakyat Amerika Syarikat telah mendarat di bulan bermula 1969.

Rencana